

PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT DI PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH: MENEROKA PENGALAMAN DAN IMPLIKASI PESALAH MUDA

THE COMMUNITY SERVICE ORDER IN WELFARE COMMUNITY DISTRICT OFFICE: AN EXPLORATION OF AN EXPERIENCES AND IMPLICATIONS OF THE YOUTHFUL OFFENDERS

Abd Rahman Mat Nordin¹

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.
(Email: abdrahman_matnordin@yahoo.com)

Abdul Talib Hashim²

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.
(Email: abdul.talib@fpm.upsi.edu.my)

Received date: 28-11-2019

Revised date: 01-12-2019

Accepted date: 15-12-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Mat Nordin, A. R., & Hashim, A. T. (2019). Perintah Khidmat Masyarakat Di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah: Meneroka Pengalaman dan Implikasi Pesalah Muda. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10), 67-80.

DOI: 10.35631/IJMTSS.210007

Abstrak: Kajian ini adalah mengenai Perintah Khidmat Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah: Meneroka pengalaman dan implikasi pesalah muda. Kajian ini bertujuan untuk menerokai pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis dan menerokai implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis. Kajian dijalankan mengikut pendekatan kajian kes dan menggunakan istrumen analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan isu pengalaman dan proses pesalah muda ditangkap hingga dilokapi oleh pihak polis adalah isu, ugutan memukul sepupu, menunggang motosikal tanpa lesen, menunggang motosikal secara melulu, memiliki motosikal terpakai tetapi nombor pendaftaran palsu dan mencuri dan menjual motosikal curi. Manakala isu implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis, isu bersabit terlibat dalam tingkah laku jenayah hingga dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Kajian yang lebih komprehensif wajar dijalankan di seluruh Negeri Perak bagi meneroka peranan Perintah Khidmat Masyarakat berkaitan pesalah muda terlibat dalam tingkah laku jenayah kali pertama sahaja.

Katakunci: Pesalah Muda, Konflik, Undang-undang, Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat

Abstract: This research is about the Community Service Order in Welfare Community District Office: An exploration of the experiences and implications of youthful offenders. The aims of this study are to explore the issues of an experiences and youth offenders' caught process till locked-up by the policemen and implication of the youth offenders locked-up by the policemen. The study was conducted as a case study approached by using instrument document analysis. The findings showed that youth offenders experience and caught the process by the policemen are the issues of expression of intention to beat cousin, riding a motorcycle without licenses, overspeeding riding motorcycle, own used motorcycle but incorrect plate numbers and stealing and selling stolen motorcycle. Whilst, the implication of youth offenders is being caught by the policemen issues are; charged guilty in crimes till Community Service Order Centenced. Comprehensive research is necessary to be implemented in Perak State to explore the function of Community Service Order towards youth offenders in their first involvement in the crime.

Keywords: Youth Offenders, Conflict, Laws, Community Service Order Centence

Pendahuluan

Remaja adalah merupakan aset penting bagi sesebuah negara seperti Malaysia dan juga sebagai pelapis untuk mentadbir negara pada masa hadapan. Remaja juga adalah golongan yang ramai dan berperanan untuk melaksanakan pembangunan negara bagi mencapai Wawasan 2020. Menurut Mohd Fazli Sabri & Jariah Masud (2004), remaja adalah golongan yang penting dan populasi remaja dijangka meningkat pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, golongan remaja sering terlibat dalam tingkah laku jenayah hingga disabitkan kesalahan jenayah dan dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat.

Menurut Tonry (1997), Junger-Tas (1994), Van Kalmthout & Tak (1992) dan Morris & Tonry (1990), Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat telah menjadi popular dilaksanakan di Negara-negara Barat seperti Denmark, Jerman dan Perancis. Manakala menurut Hudson & Galaway (1990) pula telah menyatakan terdahulu bahawa Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dilaksanakan di beberapa buah Negara Eropah termasuklah Denmark, Jerman, Perancis, Belanda, Norway dan Portugal pada sekitar tahun 1980. Ini memperlihatkan bahawa Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat telah lama dilaksanakan di Negara-negara Barat dan menjadi rujukan kepada Mahkamah-mahkamah di negara lain bagi menjatuhkan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat kepada remaja yang terlibat dalam tingkah laku jenayah.

Dalam konteks Negara Malaysia, Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dilaksanakan khusus kepada remaja berumur 18 hingga 21 tahun yang terlibat dalam tingkah laku jenayah kali pertama agar dapat melahirkan keinsafan dan penyesalan dalam diri mereka. Kenyataan ini pernah disuarakan oleh Abdul Ghani Kiefl (2012) dalam Nurbazla Ismail & Mohd Al-Adib Samuri (2016) di mana Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat diharap boleh memelihara akal pesalah muda dengan membangkitkan keinsafan dalam diri dan mendidik rohani mereka.

Soroton Kajian

Mohd. Al-Adib Samuri (2012) melalui artikel jurnalnya bertajuk 'Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Pesalah Muda yang Berkonflik dengan Undang-undang: Kerangka Perundangan di Malaysia'. Tujuan kajian tersebut dijalankan ialah untuk meninjau aplikasi Perintah Khidmat Masyarakat di Malaysia dari segi tempoh jam agregat pelaksanaan yang dibenarkan oleh undang-undang. Kajian yang dijalankan Mohd. Al-Adib Samuri (2012) menepati Seksyen 293(1)(e)(i), Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 (Pindaan 1999) menyatakan bahawa pesalah muda diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat tidak melebihi jumlah 240 jam agregat pada masa dan tempat yang ditentukan oleh Mahkamah. Justeru matlamat tinjauan Mohd. Al-Adib Samuri (2012), ialah untuk mencegah pesalah muda daripada mengulangi kesalahan jenayah pada masa hadapan dengan mengembalikan pesalah muda ke pangkuhan masyarakat melalui program Perintah Khidmat Masyarakat. Dalam konteks kajian ini, program tersebut seperti, program hukuman wajib dilaksanakan pesalah muda di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau lokasi terpilih. Manakala program pemulihan dan program penginsafan pula mewajibkan pesalah muda menghadirinya anjuran pegawai Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Putrajaya di lokasi terpilih.

Artikel jurnal Norazla Abdul Wahab, Mohd Al-Adib Samuri, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Anita Abdul Rahim (2015) dengan tajuk "Penentuan Jam Kredit Bagi Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif Terhadap Pesalah Muda yang Berkonflik Dengan Undang-undang Di Malaysia" meneroka penentuan jam kredit apabila Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dijatuhkan kepada pesalah muda sebagai hukuman alternatif. Norazla Abdul Wahab et al. (2015) mendapati bahawa berdasarkan peruntukan undang-undang, pihak Mahkamah merupakan pihak yang bertanggungjawab menentukan tempoh dan jumlah jam agregat kepada pesalah muda. Oleh yang demikian, menurut Seksyen 293(1)(e)(i) Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 1999) telah memperuntukan tempoh masa menjalani Perintah Khidmat Masyarakat kepada pesalah muda ialah sehingga 240 jam agregat.

Objektif Kajian


Dalam penulisan artikel jurnal ini, objektif kajian ialah untuk menerokai pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis dan menerokai implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis.

Soalan Kajian

Apakah pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis?
Apakah implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis?

Kerangka Konseptual

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti dinyatakan di atas dan kerangka konseptual seperti rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

Sumber: (Diubahsuai dari Livesey & Lawson 'AS Sociology, 2019: online)

Metodologi Kajian

Menurut Macionis (2012: 36), metodologi kajian adalah “satu perancangan yang sistematis untuk melaksanakan penyelidikan”. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Denzin & Lincoln (2011), kajian kualitatif merupakan kajian yang menghasilkan dapatan tidak melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan. Manakala menurut Corbin & Strauss (2008), pendekatan kualitatif bukanlah sahaja sebagai satu proses yang memerlukan ketelitian malah ia memerlukan juga rasa ingin tahu yang mendalam terhadap apa yang berlaku terhadap data-data yang diperoleh. Maka, kajian kualitatif memerlukan pengkaji berasa yakin terhadap diri sendiri berdasarkan kepada pengalaman semasa proses kajian dijalankan. Menurut Corbin et al. (2008), pengkaji yang menggunakan kaedah kualitatif perlu menguasainya melalui pendekatan belajar melalui pengalaman selari dengan kehendak konstruktivisme. Justeru dalam konteks kajian ini pengkaji menerokai pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis dan menerokai implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah dan panduan kepada pengkaji untuk menjawab kedua-dua soalan yang dijelaskan di atas. Menurut Bogdan & Biklen (2003), reka bentuk kajian merupakan perancangan tentang bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan. Manakala Yin (2003), menjelaskan reka bentuk kajian sebagai perjalanan kajian dari titik permulaan (kenal pasti soalan kajian) sehingga titik penamat (membuat rumusan kajian).

Klasifikasi Kajian Kes

Menurut Yin (2003) kajian kes adalah merupakan salah satu reka bentuk kajian kualitatif yang menyelidik fenomena semasa dalam “konteks kehidupan sebenar secara mendalam dan menyeluruh” (Cubukcu 2012: 1,529). Oleh itu, pengkaji memilih kaedah kajian kes untuk menerokai pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis dan menerokai implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis. Ia adalah merupakan satu kes yang dikaji dengan memfokus kepada Program Hukuman, Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat sahaja. Stake (2005) mengklasifikasikan kajian kes kepada tiga jenis iaitu kajian kes instrumental, kajian kes instrinsik dan kajian kes pelbagai. Berdasarkan tiga jenis kajian kes Stake (2005), pengkaji memilih kajian kes instrinsik untuk melihat kepada satu kes sahaja.

Lokasi Kajian dan Responden Kajian

Lokasi kajian ialah lokasi di mana pengkaji menjalankan kajian. Menurut Creswell (2013), “kajian kualitatif melibatkan lokasi atau latar kajian dan memperoleh kebenaran untuk melakukan kajian bagi membolehkan pengumpulan data dilakukan dengan mudah. Lokasi kajian juga bermaksud tempat yang diakses untuk mencari individu yang boleh membantu dalam pengumpulan data”. Rossman & Rallis (2012: 137), pula “berpendapat bahawa antara latar atau lokasi kajian yang ideal adalah boleh dimasuki, kaya dengan proses, manusia, program, interaksi, struktur yang diminati dan keupayaan membina hubungan yang kukuh dengan responden kajian”. Pengkaji mengenal pasti lokasi kajian supaya boleh diakses menemui Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat bagi mendapatkan dan mengumpul data-data yang dikehendaki. Oleh itu, lokasi kajian ini ialah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 yang terletak di Negeri Perak.

Di Negeri Perak terdapat 16 orang pesalah muda terdiri daripada pelbagai etnik. Daripada 16 orang pesalah muda, pengkaji memberi fokus kepada lima orang pesalah muda sahaja kerana kaya dengan data-data yang dikehendaki dan amat diperlukan dalam kajian ini melalui Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5. Di samping itu, kelima-lima pesalah muda tersebut mempunyai fungsi dan objektif yang sama kerana mempunyai pengalaman dan proses penangkapan hingga dilokapi oleh pihak polis serta implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis.

Kaedah Pengumpulan Data Kajian

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mengumpul data bertujuan untuk menerokai pengalaman dan proses penangkapan pesalah muda hingga dilokapi oleh pihak polis dan menerokai implikasi pesalah muda dilokapi oleh pihak polis supaya mudah diakses, membina rekod, mengumpul data dan merekod maklumat berkenaan. Menurut Creswell (2011), proses pengumpulan data bertujuan untuk mengenal pasti tapak atau individu, mendapatkan akses dan membina rekod, mengumpul data, merekod maklumat, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data. “Data didefinisikan sebagai satu bentuk maklumat yang diperoleh oleh pengkaji dalam sesuatu kajian dan istilah instrumentasi dirujuk sebagai proses pengumpulan data dalam sesuatu kajian” (Fraenkel & Wallen, 2012: 141). Keseluruhan proses persediaan bagi mengumpul data dikenali sebagai

instrumentasi (Fraenkel et al., 2012). Menurut Bogdan & Biklen (2007), instrumen kajian yang digunakan dalam proses pengumpulan data kajian kualitatif adalah seperti analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mengumpul data melalui analisis dokumen dan pengkaji meringkaskan prosedur pengumpulan data kajian seperti dijelaskan berikut:

Analisis Dokumen

Yin (2003: 85-86) menjelaskan bahawa maklumat “dokumentari adalah relevan dalam setiap topik kajian kes yang boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti, surat, memorandum, agenda, pengumuman, minit mesyuarat, laporan bertulis, dokumen pentadbiran (rekod kemajuan dan rekod dalaman) dan harus menjadi objek eksplisit dalam rancangan pengumpulan data”. Dalam konteks kajian ini, analisis dokumen adalah:

Rekod Awam

Merujuk kajian ini rekod awam ialah Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat yang dikeluarkan oleh Mahkamah kepada pesalah muda.

Dokumen Peribadi

Dalam konteks kajian ini, dokumen peribadi ialah kad pengenalan dan fail peribadi pesalah muda.

Bahan Fizikal

Menurut Bogdan & Biklen (1998), bahan fizikal adalah seperti fotograf, memo dan surat yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan. Dalam konteks kajian ini, surat yang dikeluarkan oleh Mahkamah kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, 3, 4 dan 5 yang dilampirkan bersama Kertas Pertuduhan bertujuan untuk mendapatkan Laporan Sosial Pesalah Muda, pesalah muda berkenaan.

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Pertama: Bagaimanakah Pengalaman dan Proses Penangkapan Pesalah Muda Hingga Dilokapi oleh Pihak Polis?

Berdasarkan analisis dokumen peribadi (fail peribadi Comel), didapati Comel sememangnya ditangkap polis, dilokap bagi tujuan soal siasat dan ujian air kencing semasa dalam tempoh tahanan lokap. Comel, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 menjelaskan pengalaman beliau semasa ditangkap polis dan dilokap. Menurut pengkaji,

“Tiga jam selepas Comel perang mulut dan membuat ugutan memukul sepupunya, polis datang mengambil beliau di rumah kemudian membawanya ke Balai Polis, Daerah 6, tujuan soal siasat selama lebih kurang 2 jam. Kemudian Comel dibawa ke bilik yang berasingan bagi ujian air kencing dan hasil ujian tersebut didapati negatif. Comel pula dibawa ke dalam lokap Balai Polis, Daerah 6 dan dilokap selama empat hari. Pada hari keempat, Comel telah diikat jamin oleh bapa saudaranya bernama Abd Rahman sebanyak RM1,500.00. Ayah Comel bekerja di Pulau Pinang dan tidak mengetahui kejadian yang telah berlaku”.

(Pengkaji, analisis fail peribadi Comel, 16 Februari 2017)

Fail peribadi Deman, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 telah dianalisis dan didapati beliau menceritakan pengalamannya semasa ditangkap polis. Menurut pengkaji.

“Deman tinggal di Taman Silibin, Daerah 3. Pada minggu kedua bulan Disember 2016 jam lebih kurang 2.30 pagi Deman menunggang motosikalnya jenis Yamaha 125cc (AKL 9781) dan bercadang mengisi petrol di Stesen Shell yang berdekatan. Semasa dalam perjalanan, sekumpulan Mat Motor datang dari arah belakang Deman yang dikepung oleh pasukan polis dan RELA bersenjatakan pistol dan cota. Beliau amat bimbang dan takut kerana tidak memiliki lesen memandu. Deman berjaya memboloskan diri daripada sekatan jalan raya pertama dan kedua. Namun, Deman gagal memboloskan dirinya semasa sekatan jalan raya ketiga. Deman dipukul oleh pasukan tersebut menggunakan cota dan terkena pada hidungnya menyebabkan mulutnya keluar darah hingga terjatuh di jalan raya. Deman diberi kebenaran mendapatkan rawatan di Hospital Daerah 3. Akhirnya, Deman dilokapi polis selama empat hari tujuan soal siasat di Ibu Pejabat Polis Daerah 3”.

(Pengkaji, analisis fail peribadi Deman, 18 April 2017)

Fail peribadi Fiq, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 5 turut dianalisis, didapati beliau juga menceritakan pengalaman bersama kawannya ditangkap polis. Menurut pengkaji.

“Fiq dan tiga orang rakannya ditahan polis berpakaian biasa (Skuad 42) semasa mereka sedang berehat di R & R BORR, Bagan Ajam, Seberang Prai setelah mereka menunggang motosikal masing-masing secara melulu dan membahayakan diri mereka serta orang awam. Fiq berkeyakinan pihak polis telah memerhatikan kumpulan mereka sebelum mereka ditahan polis. Akhirnya, Fiq dan rakannya dilokapi polis selama empat hari untuk disoal siasat di Balai Polis Bagan Ajam. Dalam tempoh tersebut mereka disoal siasat oleh polis”

(Pengkaji, analisis fail peribadi Fiq, 14 Februari 2017)

Bakar, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2, menerima nasib yang sama ditangkap polis. Menurut pengkaji.

“Pada 22 Julai 2016 seramai lapan orang anggota polis datang ke rumah Bakar menangkap beliau dan abangnya (Muhammad Khairul Izat) serta membawa mereka ke Balai Polis berdekatan rumah mereka di Daerah 2. Mereka ditahan di dalam lokap selama tiga hari dua malam. Mereka bergaduh kerana konflik dalam keluarga”.

(Pengkaji, analisis fail peribadi Bakar, 22 Februari 2017)

Akhirnya fail peribadi Eman, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4 dianalisis dan pengkaji mendapati.

“Eman telah memulakan pekerjaan sebagai Tukang Membaiki Kasut di Kedai Kasut Daerah (K) 4 (milik ayahnya) bermula pada 1 Disember 2015. Pada

hari tersebut juga jam 2.00 petang polis datang ke kedai tersebut lalu membawa beliau ke Balai Polis Daerah (K) 4. Eman disoal siasat dan dilokap selama lima hari kerana dituduh mencuri dan menjual motosikal curi”.

(Pengkaji, analisis fail peribadi Eman, 9 Mac 2017)

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Kedua: Apakah Implikasi Pesalah Muda Dilokap oleh Pihak Polis?

Hasil analisis rekod awam (Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat Di Bawah Perenggan 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) mengesahkan bahawa Comel disabitkan kesalahan jenayah hingga dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat oleh Yang Arif A, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 6. Pengkaji menjelaskan implikasi Comel, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 yang dilokap oleh pihak polis.

“Comel menghadiri perbicaraan yang telah diadakan di Mahkamah Majistret Daerah 6. Beliau didapati bersalah oleh Mahkamah Majistret Daerah 6 kerana disabitkan kesalahan ugutan memukul sepupunya dan dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Bagi menggantikan Hukuman Penjara atau Hukuman Penjara bagi kegagalan membayar denda. Namun, Comel diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama 70 jam agregat dalam tempoh 10 bulan bermula pada 8 Ogos 2018. Sekiranya Comel gagal melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat dalam tempoh tersebut atau melanggari perintah, Comel boleh dihadapkan semula ke Mahkamah dan boleh dihukum mengikut peruntukan asal”.

(Pengkaji, analisis Waran Perintah Khidmat Masyarakat Comel, 16 Februari 2017)

Analisis rekod awam Comel, beliau bersetuju menjalani dan mengikat dirinya menjalani Perintah Khidmat Masyarakat yang diatur oleh Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 iaitu selama 70 jam agregat dalam tempoh 10 bulan. Menurut pengkaji.

“Comel telah menurunkan tandatangan sebagai persetujuan menjalani Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di hadapan Yang Arif A, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 6 pada Akujanji Pesalah Muda yang juga tertera nombor kad pengenalannya. Walaupun, Comel dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Majistret Daerah 6 tetapi dibenarkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 kerana beliau tinggal bersama bapa saudaranya”.

(Pengkaji, Analisis Akujanji Pesalah Muda Comel, 16 Februari 2017)

Pengkaji menganalisis fail peribadi Deman, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 dan mendapati.

“Deman berasa amat terkejut apabila beliau dijatuhi Hukuman Penjara tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM15,000.00 maksimum. Deman

terpaku dan fikirannya buntu apabila mendengar pula Hakim menjatuhkan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat menggantikan Hukuman Penjara kerana beliau tidak memahami Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Tempoh 12 bulan dan 60 jam agregat. Akhirnya, Deman diberikan penjelasan maksud Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat dan beliau berasa lega kerana tidak dijatuhi Hukuman Penjara”.

(Analisis fail peribadi Deman, 18 April 2017)

Berdasarkan dapatan analisis rekod awam, Waran Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat Di Bawah Perenggan 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) disahkan bahawa Deman dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Menurut pengkaji.

“Deman telah dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat oleh Yang Arif B, Mahkamah Khas Trafik, Daerah 3, selama 60 jam agregat dalam tempoh 12 bulan yang dimeterai pada 23 Februari 2017 kerana kesalahan di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan”.

(Pengkaji, analisis Waran Perintah Khidmat Masyarakat Deman, 18 April 2017)

Analisis bahan fizikal (Arahan Untuk Melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat bertarikh 13 Mac 2017 Bil. PKMD.PK.01. PKM800/14/3/001-2017), Deman diarahkan melapor diri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3. Menurut pengkaji.

“Deman dikehendaki melapor diri bersama ibu/bapa/penjaga di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 pada 21 Mac 2017 (Selasa) jam 9.00 pagi sebelum menjalani Perintah Khidmat Masyarakat. Surat arahan tersebut telah ditandatangani Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 dan jika Deman gagal melaporkan diri, tindakan undang-undang akan dikenakan kepadanya. Deman juga dibekalkan Borang Perakuan Kesihatan Bagi Pelatih Khidmat Masyarakat ke Program Khidmat Masyarakat bagi menentukan kesesuaianya menjalani Perintah Khidmat Masyarakat sebelum beliau melapor diri”.

(Pengkaji, analisis bahan fizikal Deman, 18 April 2017)

Analisis rekod awam (Arahan-arahan Perintah Khidmat Masyarakat), Deman diletakkan di bawah Perintah Khidmat Masyarakat oleh Mahkamah Khas Trafik Daerah 3 berkuatkuasa pada 23 Februari 2017, Deman melapor diri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3. Menurut pengkaji.

“Deman telah melapor diri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 pada 21 Mac 2017. Deman menandatangani dan menurun cap ibu jari kiri dan kanannya sebagai perakuan Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat di hadapan Puan Huzaimah, Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3, berkuatkuasa pada 23 Mac 2017 hingga 22 Mac 2018”.

(Pengkaji, analisis Arahan-arahan Perintah Khidmat Masyarakat Deman, 18 April 2017)

Pengkaji menjelaskan dapatan analisis Laporan Sosial Pesalah Muda Eman yang disediakan Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4 atas permohonan Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 4. Menurut pengkaji.

“Setiap remaja yang dituduh melakukan tingkah laku jenayah, Mahkamah di daerah berkenaan mengemukakan permohonan Laporan Sosial Pesalah Muda sebelum tertuduh dibicarakan. Dalam konteks kajian ini, Laporan Sosial Pesalah Muda disediakan oleh Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat setelah temu bual dengan tertuduh dan keluarganya dijalankan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4. Laporan Sosial Pesalah Muda mengandungi latar belakang keluarga, keadaan rumah dan persekitaran, keadaan ekonomi keluarga, pendidikan tertuduh, pekerjaan tertuduh, tingkah laku dan keperibadian tertuduh, rekod kesalahan jenayah dan ulasan bertarikh 10 Februari 2016. Ternyata Laporan Sosial Pesalah Muda disediakan untuk pertimbangan Mahkamah sama ada tertuduh dijatuhi Hukuman Penjara atau Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat”.

(Pengkaji, analisis rekod awam Eman, 9 Mac 2017)

Berdasarkan analisis rekod awam iaitu Waran Perintah Bagi Melakukan Khidmat Masyarakat di Bawah Perenggan 293(1)(e) di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4 sebenar-benarnya Eman dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Menurut pengkaji.

“Semasa perbicaraan dijalankan di Mahkamah Majistret Daerah 4, Mahkamah mendapati Eman bersalah dan dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat tempoh 24 bulan dan 200 jam agregat. Di samping itu, Eman juga dikenakan ikat jamin sebanyak RM1,000.00 di hadapan Yang Arif C, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 4 bagi kesalahan mencuri dan menjual motosikal curi. Eman boleh dihukum di bawah Seksyen 379A dan 414 Kanun Keseksaan. Namun, Eman diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama 200 jam agregat dalam tempoh 24 bulan berkuatkuasa pada 12 Mei 2016. Emak beliau telah menjelaskan wang ikat jamin dan mereka kembali ke rumah

sementara menunggu surat arahan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 4”.

(Pengkaji, analisis Waran Perintah Khidmat Masyarakat dan Fail Peribadi Eman, 9 Mac 2017)

Bagi mengukuhkan lagi Eman dikehendaki menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama 200 jam agregat dalam tempoh 24 bulan, pengkaji menjelaskan.

“Eman telah menurunkan tandatangan Akuanji Pesalah Muda di hadapan Yang Arif A, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah (K) 4 pada hari perbicaraan iaitu pada 12 Mei 2016”.

(Pengkaji, analisis rekod awam Eman, 9 Mac 2017)

Analisis fail peribadi Fiq, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 5 pengkaji mendapati beliau dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat.

“Pada 16 November 2016 Fiq menghadiri perbicaraan di Mahkamah Majistret, Seberang Jaya. Mahkamah telah menjatuhkan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat tempoh 24 bulan selama 100 jam agregat. Di samping itu, Fiq juga dikenakan ikat jamin sebanyak RM2,000.00 dan perlu dijelaskan pada hari yang sama. Bapa beliau telah menjelaskan bayaran ikat jamin kepada Mahkamah seperti yang diperintahkan pada hari perbicaraan tersebut”.

(Pengkaji, fail peribadi Fiq, 14 Februari 2017)

Bagi mengesahkan Fiq dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat, analisis rekod awam (Aku Janji Pesalah Muda), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 5, mendapati Fiq telah menurunkan tandatangan bersetuju menjalani Perintah Khidmat Masyarakat. Menurut pengkaji.

“Fiq menandatangan Borang Aku Janji Pesalah Muda di hadapan Yang Arif D, Majistret, Mahkamah Majistret, Seberang Jaya sebagai persetujuan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat selama 100 jam agregat dalam tempoh dua tahun”.

(Pengkaji, analisis Aku Janji Pesalah Muda Fiq, 14 Februari 2017)

Analisis rekod awam (Perakuan Pesalah Muda Tidak Memerlukan Insurans) turut dilaksanakan. Menurut pengkaji.

“Fiq telah menurunkan tandatangan dan nombor kad pengenalannya tertera pada Borang Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans di mana beliau tidak memerlukan perlindungan insurans jika berlaku sebarang kecedaran atau kematian dalam tempoh Perintah Khidmat Masyarakat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat”.

(Pengkaji, analisis Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans Fiq, 14 Februari 2017)

Pengkaji menganalisis fail peribadi Bakar, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2 dan mendapati.

“Bakar telah dibicarakan di Mahkamah Majistret Daerah 2 pada bulan Disember 2016 dan Mahkamah telah menjatuhkan Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat kepadanya. Tempoh 12 bulan dan 100 jam agregat”.

(Pengkaji, fail peribadi Bakar, 22 Februari 2017)

Berdasarkan analisis rekod awam (Akujanji Pesalah Muda) Bakar tertera nombor kad pengenalannya membuktikan bahawa beliau dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat selama 100 jam agregat dalam tempoh 18 bulan. Menurut pengkaji.

“Bakar menurunkan tandatangan sebagai pengakuan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat dan mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tempoh Perintah Khidmat Masyarakat di hadapan Yang Arif E, Majistret, Mahkamah Majistret Daerah 2”.

(Pengkaji, analisis Akujanji Pesalah Muda Bakar, 22 Februari 2017)

Hasil analisis rekod awam (Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans) Bakar, beliau tidak memerlukan perlindungan insurans semasa dalam tempoh Perintah Khidmat Masyarakat. Menurut pengkaji,

“Bakar telah membuat pengakuan bahawa tidak menggunakan kemudahan perlindungan insurans jika berlaku sebarang kemalangan dalam tempoh Perintah Khidmat Masyarakat di hadapan Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 2 disaksikan saudaranya yang turut hadir. Oleh itu, Bakar tidak boleh menuntut sebarang tuntuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat jika berlaku sebarang kemalangan”.

(Pengkaji, analisis Perakuan Pelatih Tidak Memerlukan Insurans Bakar, 22 Februari 2017)

Dapatan analisis rekod awam (Borang Perakuan Kesihatan Bagi Pelatih Khidmat Masyarakat Ke Program Khidmat Masyarakat) Bakar, pengkaji mendapati beliau tidak mengidap penyakit antaranya seperti tekanan darah tinggi, gangguan mental, penyakit jantung dan lelah. Walau bagaimanapun, Bakar mengakui bahawa beliau mengisap rokok.

“Pengakuan seorang pesalah muda seperti Bakar sebelum memulakan Perintah Khidmat Masyarakat adalah penting bagi memastikan beliau dalam keadaan sihat. Pengakuan tersebut turut disahkan oleh bapanya sendiri dengan menurun tandatangan pada Borang Perakuan Kesihatan Bagi Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat bertarikh 22 November 2016”.

(Pengkaji, analisis Borang Perakuan Kesihatan Bakar, 22 November 2017)

Penutup

Keseluruhannya, pesalah muda ditangkap polis tanpa mengira masa dan tempat sememangnya berlaku kerana melakukan jenayah setelah laporan dibuat oleh mangsa di Balai Polis. Tidak ada tempoh tertentu yang ditetapkan oleh pihak berkuasa semasa pesalah muda ditahan di dalam lokap. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, pesalah muda dilokapkan selama beberapa hari sebelum dibicarakan di Mahkamah. Akhirnya semua pesalah muda dalam kajian ini disabitkan kesalahan jenayah kali pertama oleh Mahkamah hingga dijatuhi Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Jumlah jam agregat dan tempoh Perintah Khidmat Masyarakat adalah tidak sama dari seorang pesalah muda dengan pesalah muda yang lain.

Rujukan

Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods* (5th Ed.). Boston: Allyn & Bacon Inc.

- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bogdan, R. C. & Biklen S. K., (1998). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 3rd ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basic of Qualitative Research*. (3rd ed.). California: SAGE Publication, Inc.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. United Kingdom: Sage Publications, 166.
- Creswell, J. W. (2011). *Controversies in Mixed Methods Research*. Denzine, N. & Lincoln, Y. (ed). The SAGE Handbook on Qualitative Research (4th ed.) Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. W. & Miller, D. (2000). *Determining Validity in Qualitative Inquiry*. Theory into Practice 39(3).
- Cubukcu, Z. (2012). *The Effect of Hidden Curriculum on Character Education Process of Primary School Students*. Educational Sciences: Theory & Practice 12 (2), 1529.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2011). *Qualitative Research*. London: SAGE Publications Ltd.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw Hill, 20, 111, 141, 427, 450-451, 458, 512.
- Hudson, J. & Galaway, B. (1990). *Community Service: Toward Program Definition*. Federal Probation, 54(2).
- Junger-Tas, J. (1994). *Alternatives to Prison Sentences: Experiences and Developments*. Amsterdam, New York: Kugler.
- Mohd. Al-Adib Samuri. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Kanak-kanak yang Berkonflik Dengan Undang-undang: Teori, Kerangka Perundangan dan Halatuju di Malaysia. *Jurnal Undang-undang Malaysia*, 5-18.
- Morris, N. & Newburn, T. (1990). *Between Prison and Probation: Intermediate Punishments in a Rational Sentencing System*, New York / Oxford: Oxford University Press.
- Norazla Abdul Wahab, Mohd Al-Adib Samuri, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Anita Abdul Rahim (2015). *Penentuan Jam Kredit Bagi Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif Terhadap Pesalah Muda yang Berkonflik Dengan Undang-undang di Malaysia*. International Islamic Universiti College Selangor, Universiti of Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurbazla Ismail & Mohd. Al-Adib Samuri. (2016). *Prospek Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah*. ISLAMIYYAT 38(1). Abdul Ghani Kiefl. (2012). Temu bual. Kuala Lumpur, 10 Oktober.
- Rossman, G. B. & Rallis, S. F. (2012). *Learning in The Field: An Introduction to Qualitative Research*. London: Sage Publications, 137.
- Stake, R. E. (2005). *Multiple Case Study Analysis*. New York: The Guilford Press.
- Sub Seksyen 293(1)(e)(iii), Akta Kanun Tatacara Jenayah Akta 593. (Pindaan 2006).
- Livesey, C. & Lawson, T. AS Sociology For AQA. Diperoleh dari www.change.freeuk.com/learning/socthink/hidcurric.html pada 1 Disember 2019.
- Macionis, J. J. (2012). *Sociology*. USA: Person Education, 36.
- Mohd Fazli Sabri & Jariah Masud. (2004). Peranan Ibu Bapa Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Remaja. *Malaysian Journal of Family Studies*, Vol. 1, No. 1, Januari.
- Tonry, M. (1997). *Sentencing Matters*. New York: Oxford University Press.

Van Kalmthout, A. M., & Tak, J. P. (1992). *Sanction Systems in The Member States of The Council of Europe: Deprivation of Liberty, Community Service, and Other Substitutes*. Boston / Doordrecht NL: Kluwer.

Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods*. (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage, 85, 86.